

Ekspedisi 22 peserta Kelab Kembara ke puncak ketiga tertinggi di Semenanjung

UHTM tawan Yong Belar

Oleh HAMDAN TAWADI

utusanjohor@utusan.com.my

BATU PAHAT 7 Ogos - Seramai 22 peserta Kelab Kembara Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berjaya menawan puncak ketiga tertinggi di semenanjung iaitu Gunung Yong Belar, baru-baru ini.

Gunung setinggi 2,181 meter itu terletak di sempadan tiga negeri iaitu Perak, Pahang dan Kelantan dengan anggaran suhu di puncak antara 9 hingga 10 darjah Celsius ditawan sebelum peserta melalui empangan Blue Valley, puncak Gunung Charlie dan puncak Gunung Tiga Negeri yang juga dikenali sebagai Yong Belar Circle.

Ekspedisi tiga hari dua malam itu bermula dengan cabaran mengharungi beratus-ratus anak tangga dan laluan paip yang licin di empangan Blue Valley selama hampir satu jam sebelum berehat di Kem Tudung Periuk.

Pengembalaan diteruskan dengan mengharungi beberapa anak gunung, laluan denai berbahaya, tepian gaung curam, halangan pokok-pokok tumbang dan kemudiannya peserta bermalam di Kem Kasut.

Pada hari kedua pengembalaan, peserta berjaya menawan puncak gunung Yong Belar dan mereka menghabiskan kira-kira sejam menikmati pemandangan indah di situ sebelum meneruskan perjalanan untuk bermalam di Kem Gurkha dan bergerak keluar pada hari terakhir dengan merentasi Gunung Charlie dan Gunung Tiga Negeri.

Sepanjang perjalanan para peserta menyaksikan pemandangan yang sangat menakjubkan sekali gus membulkan kesedaran kepada me-



SEBAHAGIAN peserta ekspedisi Kelab Kembara UTHM yang berjaya menawan puncak Gunung Yong Belar, baru-baru ini.

reka untuk menghargai setiap kurniaan alam tersebut apatah lagi cuaca yang baik memudahkan perjalanan menyelusuri Banjaran Titiwangsa dan menuju lokasi berkumpul di Masjid Kampung Raja, Cameron Highland.

Salah seorang peserta ekspedisi, Muhammad Azim Che Mustofai berkata, kejayaan mendaki puncak gunung tersebut didorong keinginan untuk meneroka setiap keunikan dan keindahan alam yang ada di sana. "Ekspedisi ini juga menyedarkan

kami betapa pentingnya menjaga alam sekitar kerana di dalamnya terdapat khazanah yang cukup berharga. Semoga program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang," katanya.

Kelab Kembara UTHM merupakan

kan salah satu kelab tertua pernah ditubuhkan di universiti itu dan sebelum ini pernah menawan puncak Gunung Tok Neneh dan Gunung Tebu selain pelbagai program kembara ke beberapa destinasi lain di seluruh negara.